

# 'Tindakan bekas Perdana Menteri ada niat tidak baik'

BH - 4/6/2020 m/s: 17

Pendakwaan  
dapati mustahil  
Najib tak tahu  
ada wang  
dalam akaun

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Tindakan Datuk Seri Najib Razak sehingga menyebabkan dana SRC International Sdn Bhd dipindah masuk ke dalam akaun bank peribadinya untuk dibelanjakan, menunjukkan bahawa bekas Perdana Menteri itu mempunyai niat yang tidak baik.

Timbalan Pendakwa Raya ad-hoc, Datuk V Sithambaram, berkata sukar untuk dipercayai bahawa sebagai seorang Menteri Kewangan ketika itu, beliau tidak tahu mengenai wang yang dimasukkan ke dalam akaunnya, dengan menyatakan hanya bertanggungjawab terhadap baki dalam akaun ketika mengeluarkan cek.

Beliau yang berhujah pada akhir kes pembelaan berkata, pendakwaan menyatakan bahawa berdasarkan standard seseorang yang bersikap munasabah dan jujur, pembelaan tertuduh langsung tidak munasabah serta tidak boleh dipercayai.

Katanya, Najib mengakui bahawa itu tugas Ketua Setiausaha Sulitnya, Allahyarham Datuk Azlin Alias; bekas Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), SRC Nik Faisal Ariff Kamil dan ahli perniagaan dalam buruan, Low



Najib hadir di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

Taek Jho atau Jho Low, untuk memastikan ada dana mencukupi dalam akaun banknya supaya cek dapat ditunaikan.

Katanya, itu bercanggah dengan keterangan Najib dalam kes pendakwaan dan ketika pemeriksaan utama bahawa Jho Low memanipulasi akaun bank peribadinya bersama-sama dengan pegawai bank yang tidak amanah tanpa pengetahuan beliau.

"Tertuduh mengakui bahawa melalui pesanan ringkas BlackBerry bahawa beliau berhubungan dengan Jho Low dan melalui Azlin berhubung baki wang

**SRC**  
SRC International Sdn. Bhd.

dalam akaunnya supaya beliau (Najib) dapat mengagak berapa jumlah yang boleh dibelanjakan.

"Keterangan ini bercanggah dengan 'mantra' (perkataan yang diulang-ulang) tertuduh selama ini bahawa beliau tidak pernah mengetahui baki wang dalam akaunnya, sejak lima tahun lalu kerana memberikan

kuasa kepada pemegang mandat akaunnya.

"Walaupun mengetahui bahawa Jho Low menguruskan akaun bank peribadinya bagi memastikan ada dana mencukupi, tertuduh bagaimanapun menukar keterangan dengan menyatakan beliau hanya mengetahui peranan ahli perniagaan itu, ketika perbicaraan kes sedang berlangsung.

Sithambaram berkata, itu satu usaha untuk menyembunyikan fakta bahawa beliau sebenarnya mengetahui selama ini Jho Low menguruskan akaun peribadinya.